



**JEMPUTAN SEBAGAI PENCERAMAH : TAKLIMAT PENGURUSAN LEAN
DAN LEAN HEALTH CHECK PADA 30 OGOS 2019 DI DEWAN BLOK C,
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG, WISMA SRI
PAHANG KUANTAN**

Faridah Taju Rahim to: Nik Faizal Nik Ahmad

08/20/2019 10:54 AM

Cc: Dato Mohd Razali Hussain, Dato Abdul Latif Abu Seman, Ab Rahim
Yusoff, Azlan Kassim

Tuan,

Saya dengan hormatnya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pihak Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang telah bersetuju untuk menjalankan program pembangunan sistem Pengurusan LEAN di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dari tempoh Ogos 2019-Julai 2020. Pihak MPC Wilayah Pantai Timur telah dilantik sebagai Konsultan bagi program tersebut.

3. Tujuan program ini adalah untuk membangunkan sistem pengurusan LEAN yang dapat membantu pihak SUK Pahang mencapai tadbir urus yang cemerlang yang dapat menghasilkan perkhidmatan yang mampu memenuhi kehendak pelanggan dalaman dan luaran.

4. Sehubungan dengan itu, pihak ECR ingin menjemput tuan untuk menyampaikan taklimat Pengurusan LEAN berserta dengan LEAN Healthcheck bagi Modul 1 program sebagaimana berikut :

Tarikh : 30 Ogos 2019 (Jumaat)
Tempat: Dewan Blok C, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Wisma Sri Pahang, Kuantan
Masa : 8.30 Pagi - 12.30 tengahari
Peserta: 70 peserta

5. Untuk makluman tuan, Y. Bhg Dato Mohd Razali, Ketua Pengarah MPC telah bersetuju dengan permohonan kami untuk menjemput pihak tuan bagi membantu kami dalam menjalankan program ini di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Ini kerana pihak SUK Pahang mengiktiraf pengalaman dan bantuan tuan dalam menjayakan program di SUK Pahang ketika tuan berkhidmat di Negeri Pahang sebelum ini.

6. Untuk makluman tuan, segala keperluan logistik seperti penginapan dan kos perjalanan akan ditanggung oleh pihak ECR. Bersama-sama ini juga disertakan surat jemputan dari pihak SUK Pahang untuk makluman dan tindakan tuan.

Segala kerjasama tuan berikan untuk menjayakan perlaksanaan program ini amatlah dihargai dan kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih.



surat program lean management-suk pahang.pdf

Yang Menjalankan Amanah,

Faridah Taju Rahim
Manager
Malaysia Productivity Corporation

(East Cost Region Office)
Level 14, Menara Zenith, Jalan Putra Square 6
25200 Kuantan, Pahang,
Tel: 09-5131788 Fax: 09-5138903
Email: faridah_tr@mpc.gov.my